

Kertas peperiksaan ini mengandungi 2 Seksyen, iaitu Seksyen 1 dan Seksyen 2

Seksyen 1(A) dan 1(B) : Jawab semua soalan

Seksyen 2 : Jawab empat (4) soalan daripada enam soalan

SEKSYEN 1(A) : Soalan Aneka Pilihan (20 markah)

Baca dengan teliti kenyataan di bawah dan pilih jawapan yang paling tepat.
Tulis jawapan anda dalam bentuk huruf A, B, C atau D pada kertas jawapan yang disediakan.

1. Untuk mempercepatkan pengeluaran daging lembu, anak lembu jantan perlu dipelihara secara intensif melalui sistem penternakan secara
 - A. fidlot
 - B. ekstensif
 - C. berkelompok
 - D. integrasi dengan tanaman kekal
2. Sarawak telah mencapai tahap saradiri (100 %) dalam pengeluaran daging
 - A. babi
 - B. puyuh
 - C. angsa
 - D. kambing
3. Pilih kenyataan yang **BETUL** mengenai "Livestock Commercial Unit Programme – LCU".
 - A. Penternak perlu mengisi borang LFU / RMK 9
 - B. Kelulusan untuk projek dibuat oleh Jawatankuasa Pembangunan Ternakan Bahagian
 - C. Jumlah bantuan maksima yang boleh diberikan kepada seorang penternak adalah sebanyak 5 unit atau RM50,000.00.
 - D. Permohonan untuk projek ruminan perlu menyediakan kawasan dan telah menanam rumput atau foder yang mencukupi sebelum boleh diberi pertimbangan
4. Yang manakah di antara berikut **BUKAN** tanda-tanda biasa bagi lembu yang sihat?
 - A. Muncung kering
 - B. Muncung sejuk dan lembab
 - C. Mata cergas dan tidak berair
 - D. Sewaktu meragut selalunya tidak ketinggalan di belakang kumpulan

5. Dalam RMK9, terdapat empat program pembangunan ternakan yang dilaksanakan oleh Bahagian Veterinar. Yang manakah diantara berikut **BUKAN** program tersebut?
- A. "Cattle Pawah Programme"
 - B. "Livestock Farm Unit Programme "
 - C. "Sale of Imported Breed Programme"
 - D. "Livestock Commercial Unit Programme"
6. Amalan-amalan berikut perlu dipatuhi apabila memberi rawatan kepada ternakan yang sakit.
- I Ternakan tersebut dibebaskan di padang ragut.
 - II Ikuti syor dos dan cara pemberian yang terdapat pada botol ubat
 - III Cara pemberian haruslah menggunakan suntikan di bahagian berotot
 - IV Disinfek peralatan, tangan dan anggota sebelum dan selepas setiap rawatan
- A. I dan III sahaja
 - B. II dan IV sahaja
 - C. I, II dan IV sahaja
 - D. II, III dan IV sahaja
7. Siapakah yang dimaksudkan sebagai "Sarawak Veterinary Authority" dalam Ordinan Kesihatan Awam Veterinar (*Veterinary Public Health Ordinance*) 1999?
- A. Menteri Pertanian
 - B. Jabatan Pertanian
 - C. Bahagian Veterinar di Jabatan Pertanian
 - D. Seorang Pegawai Veterinar yang dilantik oleh majlis kerajaan negeri untuk menjalankan tugas dalam Ordinan.
8. Di antara berikut, yang manakah **BUKAN** makanan untuk sumber tenaga kepada bebir?
- A. Ubi kayu
 - B. Dedak padi
 - C. Petai belalang
 - D. Hampas ubi kayu

9. Namakan **SATU (1)** kaedah yang biasa digunakan untuk mengesan telur trematod.
- A. Calitan darah
 - B. Teknik mendapan
 - C. Teknik pengapungan
 - D. Calitan KOH hidrolisasi
10. Dalam pengeluaran ayam pedaging, sistem pemeliharaan yang terbaik dan mesra alam adalah sistem:-
- A. lepas bebas
 - B. semi-intensif
 - C. reban terbuka
 - D. reban tertutup

Seksyen 1(B): Soalan Pendek (Jawab semua soalan: 20 markah)

Berikan jawapan yang ringkas bagi soalan berikut.

Soalan 1.

Senaraikan **EMPAT (4)** faktor dalam pengurusan ternakan dan peralatan dalam amalan penternakan yang baik. **(4 Markah)**

Soalan 2.

Nyatakan **EMPAT (4)** amalan penternakan yang baik dari aspek rawatan ternakan dan kesihatan gerompok. **(4 Markah)**

Soalan 3

Senaraikan **DUA (2)** jenis ubat yang dilarang penggunaannya dalam pengeluaran ayam? **(4 Markah)**

Soalan 4

Nyatakan **EMPAT (4)** komponen yang perlu ada untuk projek integrasi ternakan lembu dengan kelapa sawit **(4 Markah)**

Soalan 5

Nyatakan **EMPAT (4)** isu atau masalah yang dihadapi oleh sektor ternakan di Negeri Sarawak.

(4 markah)

SEKSYEN 2: Soalan Esei (60 markah)

Jawab empat (4) soalan sahaja daripada enam soalan berikut

Soalan 1. (15 markah)

Huraikan **LIMA (5)** tanggungjawab Pengguna Veterinar Negeri seperti yang termaktub di bawah *Veterinary Public Health Ordinance 1999*.

Soalan 2 (15 markah)

Untuk menjamin keselamatan makanan di peringkat ladang , penternak perlu mempraktikkan amalan yang ditetapkan.

- (a) Senaraikan **ENAM (6)** amalan yang telah disenaraikan dalam Amalan Ladang Ternakan Yang Baik (GAHP). **(6 markah)**
- (b) Huraikan secara ringkas mana-mana **TIGA (3) amalan** yang anda senaraikan pada jawapan anda di (a). **(9 markah)**

Soalan 3 (15 markah)

Di dalam Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK9), berbagai program telah diatur untuk memantapkan industri ternakan.

- (a) Senaraikan **ENAM (6)** program atau perkhidmatan yang disediakan oleh Bahagian Veterinar, Jabatan Pertanian Sarawak **(6 markah)**
- (b) Huraikan secara ringkas **TIGA (3)** program/perkhidmatan yang anda senaraikan dalam (a). **(9 markah)**

Soalan 4 (15 markah)

Terangkan secara ringkas tindakan yang perlu diambil keatas seorang penumpang yang membawa seekor anjing tanpa permit dari KL ke Kuching melalui penerbangan MAS dibawah undang-undang VPH Ordinance 1999.

Soalan 5. (15 markah)

Terdapat 3 jenis penyakit ternakan dan haiwan kesayangan yang disebabkan oleh virus yang **tidak terdapat** di Negeri Sarawak.

- (a) Senaraikan tiga (3) jenis penyakit tersebut. **(3 markah)**
- (b) Huraikan secara ringkas tanda-tanda serangan penyakit (*symptoms*) pada setiap penyakit yang anda senaraikan dalam (a). **(12 markah)**

Soalan 6 (15 markah)

Terdapat tiga sistem ternakan kambing yang terdapat di Negeri Sarawak.

- (a) Nyatakan **TIGA (3)** sistem tersebut
- (b) Terangkan secara ringkas setiap sistem yang anda nyatakan dalam (a)